**TEKS UCAPAN**

**YB. DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB**
**MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

**SEMPENA**

**MAJLIS PENYERAHAN MOBILEPRENEUR**
**PERINGKAT NEGERI MELAKA 2016**

**DEWAN JAPERUN, SUNGAI UDANG,**
**MELAKA**

**15 DISEMBER 2016, KHAMIS**
**WAKTU KETIBAAN : 3.50 PETANG**

**<u>SALUTASI</u>**

- **Yang Amat Berhormat Datuk Seri Utama Ir. Hj. Idris Bin Hj. Haron**
  Ketua Menteri Melaka

- **Yang Berhormat Exco-exco Kerajaan Negeri Melaka**

- **Yang Berbahagia Dato' Haji Azian Bin Haji Osman**
  Pengerusi GiatMARA Malaysia

- **Yang Berusaha En. Khairuddin bin Hj Hashim**
  Pengarah Giatmara Negeri Melaka

- Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi Kerajaan

- Wakil-wakil media

- Peserta-Peserta Mobilepreneur negeri Melaka; serta

- Tuan Puan sidang hadirin yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Sejahtera dan Salam Sehati Sejiwa.

Alhamdulillah, marilah kita sama-sama menzahirkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T di atas perkenan dan izin-Nya dapat kita berhimpun dalam "Majlis Penyerahan Mobilepreneur Ke Arah Menangani Kos Sara Hidup Peringkat Negeri Melaka Tahun 2016 bertempat di Dewan Japerun Sungai Udang pada hari yang berbahagia ini.

Sesungguhnya saya amat berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Utama Ir. Hj. Idris bin Hj. Haron, Ketua Menteri Melaka yang telah sudi meluangkan masa menghadiri majlis pada hari ini. Kehadiran dan sokongan Yang Amat Berhormat Datuk Seri telah memberikan semangat kepada pihak Kementerian untuk meneruskan pelaksanaan program-program bagi membangunkan masyarakat luar bandar di negeri ini.

Saya juga mengambil peluang di sini untuk mengalu-alukan kehadiran semua Dif-dif Kehormat dan jemputan yang hadir bersama bagi menyokong program ini. Ucapan tahniah dan terima kasih kepada pihak GiatMARA kerana telah berjaya menganjurkan majlis ini.

Yang Amat Berhormat Datuk Seri, Datuk/Tuan/Puan dan hadirin yang dihormati sekalian,

1. Majlis yang dianjurkan pada hari ini adalah bertujuan untuk menyempurnakan penyerahan bantuan Program Usahawan Bergerak (Mobilepreneur) KKLW Tahun 2016 kepada dua puluh (20) orang peserta dari negeri Melaka. Untuk makluman Datuk Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan sekalian, program Mobilepreneur adalah program yang telah dimulakan sejak tahun 2013 di bawah Program Peningkatan Pendapatan (PPP) bertujuan untuk membantu kumpulan sasar meningkatkan sumber pendapatan masing-masing melalui bidang perniagaan secara kecil-kecilan.

2. Pada tahun 2016, program ini dijenamakan sebagai Program Mobilepreneur KKLW berasaskan konsep perkhidmatan bergerak selari dengan usaha untuk membantu golongan belia yang mempunyai kemahiran dan kesungguhan tinggi meningkatkan pendapatan dan taraf hidup melalui bidang keusahawanan. Program ini dilaksanakan melalui pemberian pakej lengkap kepada peserta meliputi sebuah

motosikal yang diubahsuai reka bentuknya, peralatan mengikut bidang kemahiran peserta dan kursus asas keusahawanan untuk memulakan perniagaan.

3. Saya berasa amat gembira disebabkan Program Mobilepreneur ini semakin mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelbagai pihak sejak diperkenalkan. Ramai belia menyatakan minat menyertai program ini dan sebagai bukti Program Mobilepreneur mendapat sambutan hangat terutamanya ketika pihak Kementerian menyertai pameran Program Transformasi Luar Bandar di PWTC dan MAHA 2016 yang berlangsung baru-baru ini.

4. Program ini adalah inisiatif bagi membantu golongan belia luar bandar yang mempunyai kemahiran tertentu menjalankan perniagaan atau perkhidmatan dengan modal permulaan yang rendah tanpa perlu membuka atau menyewa premis perniagaan. Ia juga sesuai dengan keperluan semasa masyarakat yang tidak perlu ke kedai untuk mendapatkan perkhidmatan. Dengan itu, ia dapat memberi peluang kepada lebih ramai anak muda untuk bergiat dalam bidang keusahawanan dan seterusnya boleh menjadi batu loncatan kepada mereka untuk menerokai dunia perniagaan yang lebih luas sehingga memiliki syarikat sendiri pada masa akan datang. Situasi ini diharap dapat membantu Kerajaan mencapai matlamat transformasi ekonomi di luar bandar.

Yang Amat Berhormat Datuk Seri, Datuk/ Tuan/Puan dan hadirin yang dihormati sekalian,

AGENDA MENANGANI KOS KEHIDUPAN YANG MENCABAR

5. Seperti mana yang kita sedia maklum, Kerajaan telah melaksanakan dua agenda utama pembangunan negara iaitu melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) sejak Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) dan agenda ini diteruskan hingga sekarang. Program-program telah diberi pendekatan yang lebih menyeluruh di bawah Model Ekonomi Baru dengan inisiatif ke arah menjadikan Malaysia negara berpendapatan tinggi. Matlamat ini merujuk kepada inisiatif mengunjurkan pendapatan isi rumah rakyat yang lebih tinggi daripada kedudukan sekarang dengan impak peningkatan pendapatan rakyat tidak hanya tertumpu kepada kumpulan-kumpulan tertentu sahaja tetapi meliputi semua peringkat lapisan rakyat termasuk yang berada di kawasan luar bandar.

6. Kewujudan sedikit jurang pendapatan yang tidak seimbang terutamanya antara kumpulan isi rumah 20 % berpendapatan tinggi dengan kumpulan isi rumah 40% kumpulan berpendapatan terendah menyebabkan Kerajaan sentiasa merangka

pelbagai strategi untuk menangani isu-isu ekonomi yang berlaku di bandar-bandar dan di kawasan luar bandar.

7. Oleh yang demikian, pelaksanaan Program Mobilepreneur dilihat sebagai satu langkah yang baik bagi memberi peluang keusahawanan berkembang dan akan meningkatkan tahap ekonomi yang memberangsangkan di luar bandar secara berterusan. Ini akan memberi manfaat kepada masyarakat luar bandar yang berpendapatan rendah serta mempunyai kemahiran dan berkecenderungan meluaskan kerjaya keusahawanan.

Yang Amat Berhormat Datuk Seri/Datuk/Tuan/Puan dan hadirin yang dihormati sekalian,

MASA HADAPAN PROGRAM MOBILEPRENEUR

8. Saya berpandangan positif bahawa Program Mobilepreneur KKLW memiliki potensi yang tersendiri dari segi konsep dan pelaksanaannya kerana ia bersesuaian dengan keperluan semasa masyarakat. Kita mengharapkan bahawa pada masa hadapan, kumpulan peserta Mobilepreneur ini tidak lagi berada di takuk lama perniagaan masing-masing. Saya ingin melihat mereka menggerakkan perniagaan mereka lebih jauh ke hadapan menjadi entiti-entiti perniagaan atau syarikat besar yang berdaya maju dan berdaya saing.

9. Oleh itu, para peserta perlu bijak merangka strategi perniagaan masing-masing bagi memasarkan perkhidmatan mereka. Selain daripada kaedah pemasaran secara konvensional, usahawan Mobilepreneur perlu mengaplikasikan langkah yang bijak, berfikiran kreatif dan inovatif dalam menggunakan medium sosial seperti *Facebook, Instagram* dan *Twitter* bagi memasarkan produk atau perkhidmatan mereka. Selain itu, usaha melahirkan usahawan akan lebih berjaya dengan adanya penglibatan daripada para usahawan yang telah menempa nama dalam perniagaan masing-masing. Pengalaman, bimbingan serta tunjuk ajar daripada kalangan usahawan yang telah berjaya ini amat perlu untuk dijadikan sumber rujukan kepada peserta Mobilepreneur.

10. Dalam keadaan ekonomi global yang tidak menentu ini, belia luar bandar tidak seharusnya berfikir untuk meninggalkan kampung halaman masing-masing bagi mengejar kerjaya di bandar-bandar atau pun bergantung semata-mata untuk mendapatkan pekerjaan makan gaji. Kini, pihak Kerajaan telah menyediakan

platform dan peluang bagi membimbing mereka yang ingin menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan. Dengan adanya Program Mobilepreneur ini, peluang kepada golongan belia luar bandar terbuka luas kepada mereka untuk memulakan perniagaan.

11. Saya menyambut baik pengumuman YAB Perdana Menteri di dalam ucapan Bajet 2017 pada 21 Oktober 2016 yang memperuntukkan sejumlah RM30 juta bagi pelaksanaan Program Mobilepreneur pada tahun 2017 yang akan memberi manfaat kepada 3,000 orang peserta. Semoga pelaksanaannya pada tahun hadapan berjalan dengan lebih efisien dan efektif. Harapan saya supaya belia di Melaka juga akan mendapat limpahan ekonomi sewajarnya.

Yang Amat Berhormat Datuk Seri/Datuk/ Tuan/Puan dan hadirin yang dihormati sekalian,

12. Selain daripada peruntukan Program Mobilepreneur yang berjumlah RM200,000 bagi membantu golongan belia di luar bandar, Kementerian turut menyalurkan peruntukan untuk program-program lain di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR). Pada tahun ini, Kementerian turut memperuntukkan sejumlah RM180,000 kepada negeri Melaka melalui GiatMARA bagi pelaksanaan Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK). Program PLKK adalah program latihan kemahiran yang ditawarkan kepada kumpulan sasar bertujuan memberi kemahiran asas kepada peserta dalam pelbagai bidang. Kursus-kursus yang telah dilaksanakan di bawah GiatMARA seperti kursus teknologi kimpalan dan fabrikasi logam, pendawaian elektrik, masakan, kek dan pastri, kecantikan serta teknologi penyejukbekuan dan penyaman udara. Selepas tamat kursus, peserta diharapkan dapat menceburi bidang pekerjaan berasaskan kemahiran yang diterima atau terlibat dalam bidang keusahawanan.

13. Di bawah Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) pula, negeri Melaka telah diperuntukkan sejumlah RM1.3juta melalui Program Bina Baru dan Baik Pulih rumah melalui GiatMARA. Pelaksanaan rumah PPRT ini diharapkan dapat meningkatkan kualiti hidup keluarga penerima bantuan dengan membina atau membaik pulih rumah bagi menyediakan tempat kediaman yang lebih selamat dan selesa sebagai asas pertumbuhan sebuah keluarga.

PENUTUP

14. Saya ingin mengucapkan tahniah dan ucapan selamat maju jaya kepada semua peserta Mobilepreneur negeri Melaka yang terpilih menyertai program ini.

Mereka sewajarnya bersyukur dan menghargai pemberian ini dan harus membalas kepercayaan Kerajaan dengan membuktikan semangat dan iltizam untuk bekerja kuat menjayakan program ini. Seperti kata-kata bidalan, “Bukan semua rezeki akan datang bergolek tetapi datang dari usaha keras sendiri tanpa mengenal erti jemu dan kegagalan.”

15. Seperkara lagi yang ingin saya tekankan ialah amalan dan nilai murni dalam diri kita sebagai seorang usahawan. Kita perlu menekankan peri pentingnya *towering personality* atau budi pekerti tinggi sebagai asas yang perlu untuk mencipta kejayaan tidak kira dalam apa jua lapangan.

16. Peringatan ikhlas saya kepada semua peserta supaya menggunakan bantuan yang disumbangkan oleh Kerajaan dengan sebaik-baiknya demi usaha meningkatan taraf hidup yang lebih baik. Begitu juga dengan penggunaan peralatan Mobilepreneur, saya berharap supaya semua peserta tidak menyalahgunakan kemudahan yang telah diberikan dan menggunakannya dengan sebaiknya. Sekiranya ada yang menghadapi sebarang kerumitan mengenai perniagaan masing-masing agar mendapatkan bantuan dan bimbingan yang sewajarnya.

17. Akhir kata, saya mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Utama Ir. Hj. Idris bin Hj. Haron, Ketua Menteri Melaka kerana sudi memenuhi jemputan ke majlis ini. Harapan saya semoga pelaksanaan Program Mobilepreneur berjalan lancar dan berjaya menghasilkan *outcome* serta impak yang tinggi daripada sudut pembangunan luar bandar secara keseluruhan.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima Kasih.